

21 JAN 2001

Mahathir-Pusat

PM AKAN DAPATKAN LEBIH MAKLUMAT MENGENAI PUSAT ASASI UM

SUBANG, 21 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau perlu mendapatkan lebih maklumat mengenai Pusat Asasi Sains Universiti Malaya (UM) sebelum membuat sebarang keputusan mengenai masa depan pusat itu.

Perdana Menteri berkata beliau akan mendapatkan maklumat lanjut mengenai kedudukan pusat itu daripada Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Saya akan dapatkan maklumat penuh daripada Timbalan Perdana Menteri..lepas tu kita tengok keputusannya," kata beliau kepada pemberita di Lapangan Terbang Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM) di sini sekembalinya daripada lawatan empat hari ke Osaka.

Dr Mahathir diminta mengulas keputusan pihak pentadbiran UM menutup pusat itu setelah 24 tahun ia membantu meningkatkan bilangan pelajar Melayu dalam bidang sains pada peringkat pra-universiti.

Mengenai kemungkinan kerajaan akan mengarahkan pusat itu dikekalkan, seperti yang diminta oleh pelbagai pihak, Dr Mahathir berkata: "Tunggu dulu.. mungkin kekal, mungkin tidak kekal..kita tengok dulu."

Semalam, Naib Canselor UM Profesor Datuk Dr Anuar Zaini Md Zain bertegas untuk menutup pusat itu walaupun pelbagai pihak termasuk Timbalan Perdana Menteri meminta dibatalkan cadangan itu.

Pusat Asasi Sains UM, yang ditubuhkan pada 1977, merupakan ilham bekas Naib Canselor UM Prof Diraja Ungku Aziz dan mendapat restu daripada Dr Mahathir, yang pada ketika itu Menteri Pendidikan.

Penubuhan pusat itu adalah untuk membantu meningkatkan bilangan pelajar Melayu dalam bidang sains pada peringkat pra-universiti dan selepas itu pelajar berkenaan akan diserapkan terus ke fakulti-fakulti sains UM.

Dr Anuar Zaini memberi alasan penutupan pusat itu atas arahan Kementerian Pendidikan.

Beliau menjelaskan bahawa pusat itu sebenarnya bukan ditutup secara mutlak tetapi sebaliknya konsep programnya diperluaskan daripada hanya dikendalikan dalam kampus sebelum ini ke pusat-pusat matrikulasi Kementerian Pendidikan.

--BERNAMA

AKT AKT NAK